



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “BAHAYA FITNAH”

11 Ogos 2023 / 24 Muharram 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَّمَهُ الْبَيَانَ، وَجَمَلَهُ بِالْعَقْلِ وَشَرَّفَهُ بِالْإِيمَانِ، وَفَضَّلَهُ بِالْعِلْمِ عَلَى سَائِرِ الْحَيَوَانِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الدَّيَّانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ إِلَى الْإِنْسِ وَالْجَانِّ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ بِالْإِحْسَانِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “BAHAYA FITNAH”

Firman Allah SWT ayat 19 surah An-Nur:

﴿ إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang amat pedih di dunia dan di akhirat dan Allah mengetahui (segala perkara) sedangkan kamu tidak mengetahui.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Perkataan ‘fitnah’ berasal daripada perkataan bahasa Arab yang mengandungi beberapa makna, antaranya *ibtala’* atau ujian, kemudian penggunaannya juga menunjukkan makna kufur, pembunuhan serta kebakaran. Oleh itu perkataan ‘fitnah’ mempunyai pelbagai maksud sesuai dengan keadaan perkataan tersebut digunakan.

Imam Nawawi menghuraikan ‘fitnah’ sebagai perbuatan pemindahan maklumat daripada percakapan manusia kepada seseorang yang lain atau orang ramai dengan tujuan untuk merosakkan hubungan antara mereka. Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali berkata bahawa sifat fitnah *diitlaqkan* terhadap orang yang memindahkan kenyataan orang lain kepada orang lain, termasuk juga dengan cara tulisan yang disebarkan.

Dalam masyarakat Melayu, perkataan ‘fitnah’ memberi makna yang lebih khusus, merujuk kepada sebarang tuduhan yang diada-adakan bertujuan memburukkan, atau membencanakan seseorang atau sesuatu pihak yang membawa kepada porak-peranda.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat Illahi,**

Fitnah berlaku dalam dua keadaan:

**Pertama:** apabila seseorang mengada-adakan atau mereka cipta cerita mengenai seseorang yang lain lalu menyebarkannya dengan tujuan untuk memburuk-burukkan dan menjatuhkan orang yang dijadikan sasaran.

**Kedua:** apabila seseorang menerima berita, tanpa usul periksa kesahihan berita, terus menyebarkannya kepada orang lain.

Dalam dua keadaan inilah fitnah berlaku. Ketika ini, dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi perhubungan, fitnah lebih mudah disebarkan, serta disebarkan lebih luas dengan lebih pantas, menerusi Internet, sms, *whatsapp*, *facebook*. Penyebaran fitnah secara kelaziman, melalui ceramah, sembang-sembang di kedai kopi, perbualan sesama jiran dan rakan pejabat, kekal menjadi amalan dalam kalangan pereka dan penyebar fitnah.

Terdapat beberapa sebab yang mendorong fitnah; antaranya didorong sifat dengki, persaingan mendapatkan jawatan atau pangkat, persaingan mendapatkan pasangan hidup, persaingan perniagaan dan persaingan politik. Hakikatnya fitnah terbit daripada seseorang yang berhati kotor dan berniat jahat. Sesungguhnya syaitan sememangnya tidak pernah berdiam diri melakukan rasukan agar manusia



sentiasa berbalah dan bersengketa antara satu sama lain. Fitnah ialah perbuatan yang amat disukai oleh syaitan kerana boleh memecahbelahkan ummah sehingga tiada lagi kesatuan dalam kalangan mereka.

Syeikh Azhar Dr. Sheikh Ahmad Tayib *Hafizahullah* berkata, “Fitnah yang berlaku dalam kalangan umat Islam telah melahirkan golongan yang berfahaman keras dan melahirkan gejala keganasan dan kafir-mengkafirkan antara umat Islam”. Sheikh Dr. Yusof al-Qaradawi *Rahimahullah*, berkata, “Para sahabat akan melarikan diri jika terzahirnya fitnah pada sesuatu tempat seperti yang dilakukan oleh Abu Darda”.

Para penyebar fitnah pula, bersifat alpa dan cuai ketika menyebarkan cerita yang didengar tanpa meneliti kesahihannya terlebih dahulu. Melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW menyifatkan penyebar fitnah sebagai pembohong; sabda Baginda;

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Bermaksud; Cukuplah seseorang dikatakan pendusta apabila dia menyampaikan apa sahaja yang didengarinya.

Islam melarang keras umatnya dari berbuat fitnah kerana perbuatan tersebut mengundang pelbagai keburukan. Fitnah boleh mengakibatkan perselisihan dalam kalangan ahli keluarga, suami isteri, jiran tetangga dan rakan sekerja. Fitnah boleh menyebabkan ummah bertelagah, berpecah belah dan menjejaskan keharmonian masyarakat. Fitnah boleh mencemar maruah pihak yang difitnah, menambah kekeliruan, mengundang dosa – mengundang kemurkaan Ilahi. Perbuatan memfitnah, menyebarkan, dan mempercayai fitnah tanpa memeriksa kesahihannya terlebih dahulu, bakal menjerumuskan pelakunya ke dalam neraka Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ تَمَامً

Bermaksud: Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba).

(Hadis Riwayat Muslim)

Sabda Baginda juga:



وَأَمَّا الرَّجُلُ الَّذِي أَتَيْتَ عَلَيْهِ يُشْرَسِرُ شِدْقَهُ إِلَى قَفَاهُ، وَمَنْخَرُهُ إِلَى قَفَاهُ، وَعَيْنُهُ إِلَى قَفَاهُ،  
فَإِنَّهُ الرَّجُلُ يَغْدُو مِنْ بَيْتِهِ فَيَكْذِبُ الْكَذْبَةَ تَبْلُغُ الْآفَاقَ

Bermaksud: Berkata malaikat yang mengiringi Rasulullah SAW; “Adapun orang yang disiksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi sehingga ke belakang lehernya dan disangkut lubang hidungnya sehingga menembusi belakang lehernya dan disangkut mata sehingga menembusi batang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan sehingga ke ufuk penjuru dunia.” (Riwayat Ibn Hibban, 655)

### **Sidang Jemaah Rahimakumullah,**

Ketika ini, fitnah amat berleluasa. Pepatah Melayu berperi bahasa, “Bau busuk tidak berbangkai”, mengibaratkan kesan fitnah yang dilemparkan kepada seseorang, lazimnya sukar dibendung – sukar dijernihkan. Ummah wajib menjauhkan diri daripada terpalit dengan dosa melakukan fitnah baik secara langsung ataupun secara tidak langsung apabila terlibat dan turut bersubahat menyebarkan fitnah. Perbuatan fitnah akan menatijahkan pelbagai kesan buruk dan membawa kerosakan. Mimbar memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Perbuatan menyebarkan berita tanpa usul periksa, dengan bergopoh gopah menghukum, atau mengeluarkan kenyataan berbentuk hukuman kepada seseorang tanpa diketahui kebenarannya, ditempelak oleh Allah SWT, berpandukan kisah fitnah terhadap Sayidatina Aishah RA; Firman Allah SWT dalam ayat 11 Surah Al-Nur, yang bermaksud: Sesungguhnya orang yang membawa berita dusta itu adalah dalam kalangan kamu (juga). Janganlah kamu mengira (berita dusta) itu buruk bagi kamu bahkan itu baik bagi kamu. Setiap orang daripada mereka akan mendapat balasan daripada dosa yang dilakukannya. Dan sesiapa antara mereka yang mengambil bahagian besar menyebarkannya antara mereka, dia mendapat azab yang besar.

**Kedua:** Ummah perlu memastikan kesahihan maklumat terhadap apa jua maklumat atau berita yang diterima, daripada sumber mana dan siapakah penyampainya, berpandukan peringatan Allah yang terkandung dalam ayat 6, Surah Al-Hujurat yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini



disebabkan kejahilan kamu (mengenainya) sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu”.

**Ketiga:** Perbuatan fitnah akan menjadikan seseorang itu buta daripada kebenaran dalam menilai kebenaran yang hakiki mengenai sesuatu perkara.

**Keempat:** Fitnah akan menyebabkan umat Islam boleh tenggelam dalam rancangan pihak musuh yang merancang untuk memecahbelahkan umat Islam.

**Kelima:** Orang yang mencipta fitnah, menyebarkan fitnah, dan mempercayai fitnah atau orang yang bersedia bersubahat mengambil upah mencipta dan menyebarkan fitnah, sesungguhnya telah menjadikan syaitan sebagai sahabat mereka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْتَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Jauhi kami daripada perbuatan memfitnah, menyebarkan fitnah, atau menjadi orang upahan melakukan kerja-kerja fitnah. Bimbing kami untuk berakhlak mulia sama ada di dunia nyata atau dunia maya. Lindungilah kami daripada menjadi mangsa fitnah, atau terpalit dengan kesan buruk fitnah; tabahkan hati orang-orang yang menghadapi ujian difitnah, dan Engkau bimbing hamba-hamba Mu yang begitu taksub melakukan fitnah untuk segera bertaubat lalu berhenti terlibat atau bersubahat dengan kerja-kerja memfitnah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mul!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.

Assalammualaikum ,

Saya disini ingin berkongsi sedikit program pengajian di Kolej FELCRA.

Khas buat pelajar lepasan SPM, program pengajian Diploma di Kolej FELCRA ditawarkan kepada pelajar SPM yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma.

Antara program yang ditawarkan adalah :

- ✦ Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- ✦ Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- ✦ Diploma Pengurusan Sumber Manusia
- ✦ Diploma Pengurusan Amalan Halal
- ✦ Diploma Pengurusan Amalan Halal
- ✦ Diploma Pengurusan Perniagaan
- ✦ Diploma Pengurusan Pasca Tuai
- ✦ Diploma Teknologi Pertanian

### **KELEBIHAN MENGIKUTI PROGRAM DIPLOMA USAHASAMA UiTM DI KOLEJ FELCRA**

- ✓ Kolej FELCRA dipilih sebagai IPT yang menjalankan Program Usahasama UiTM di Perak
- ✓ Silibus pengajaran, Peperiksaan, Pegawai Pemeriksa dan tenaga pengajar dipantau oleh UiTM
- ✓ Sijil Pengiktirafan dikeluarkan oleh UiTM sahaja
- ✓ Dianugerahkan Diploma dalam Istiadat Konvokesyen di UiTM
- ✓ Yuran pengajian PERCUMA bagi pelajar B40
- ✓ Kampus bertempat di Kolej FELCRA, Bandar Baru Seberang Perak
- ✓ Program yang ditawarkan di Kolej FELCRA, mendapat pengiktirafan sepenuhnya MQA/KPT 😊

Sukacita sebagai makluman tuan-tuan, Kolej FELCRA ialah sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dimiliki sepenuhnya oleh FELCRA Berhad dan sebuah Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Kolej ini telah mendapat Kelulusan Penubuhan IPT oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 25 Mei 2012. Untuk pengetahuan semua, Kolej FELCRA ini terletak di Bandar Baru Seberang Perak, Kampung Gajah. Sehubungan dengan itu, Kolej FELCRA berbesar hati untuk memaklumkan bahawa jika diantara tuan-tuan berminat dengan Kolej FELCRA, tuan-tuan boleh layari website dan juga media sosial Kolej FELCRA seperti Facebook, Instagram dan Tiktok. Kemasukan dibuka pada bulan Oktober dan November 2023. Insentif yuran pengajian percuma kepada golongan B40 turut disediakan. Jadi jangan lepaskan peluang ! Semoga hebahan ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada penduduk sekitar Negeri Perak.